



## **NEGERI SABAH**

**JPAN: 700-1/1/7 (51)**

### **PEKELILING PERKHIDMATAN NEGERI SABAH BIL. 10/2017**

#### **PERSARAAN PILIHAN SENDIRI**

#### **TUJUAN**

1. Pekeliling ini bertujuan untuk mengemaskini tatacara dan syarat-syarat Pekeliling Perkhidmatan Negeri Sabah Bil.9/1993 berhubung dengan persaraan pilihan sendiri bagi pegawai Perkhidmatan Awam Negeri, Badan Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri berdasarkan Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 1 Tahun 1991 (Persekutuan) dan Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 3 Tahun 1992 (Persekutuan).

#### **LATAR BELAKANG**

2. Kerajaan telah bersetuju membenarkan pegawai Perkhidmatan Awam Negeri, Badan Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri untuk memilih dan memohon bersara apabila mencapai umur 40 tahun.

## TATACARA

3. Ketua-ketua Jabatan bagi perkhidmatan awam negeri dikehendaki mengemukakan permohonan persaraan pilihan sendiri bagi pegawai mereka ke Bahagian Saraan, Jabatan Perkhidmatan Awam Negeri. Permohonan bagi pegawai dalam Perkhidmatan Badan Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri hendaklah dikemukakan ke Bahagian Pasca Perkhidmatan, Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia. Permohonan hendaklah dikemukakan **enam (6) bulan** sebelum tarikh persaraan yang dipohon berserta dengan dokumen-dokumen seperti yang berikut:-

- 3.1 surat permohonan asal daripada pegawai yang menyatakan sebab ingin bersara dan tarikh persaraan yang dipohon;
- 3.2 surat daripada Ketua Jabatan yang menyatakan sebab-sebab menyokong atau tidak menyokong permohonan persaraan pilihan pegawai berkenaan;
- 3.3 surat pengesahan daripada Ketua Jabatan:
  - (i) sama ada pegawai berkenaan terlibat atau bebas daripada apa-apa tindakan tatatertib dan atau tindakan mahkamah; dan
  - (ii) sama ada pegawai berkenaan masih terikat dengan, atau bebas daripada apa-apa syarat kontrak biasiswa Kerajaan. Bagi pegawai yang masih mempunyai ikatan kontrak biasiswa Kerajaan, surat pelepasan ikatan kontrak biasiswa Kerajaan dari pihak berkuasa berkenaan hendaklah dikemukakan;

- 3.4 satu (1) salinan keputusan Pihak Berkuasa Tatatertib yang berkenaan ke atas laporan harta (termasuk harta tambahan / pelupusan, jika ada) yang dibuat oleh pegawai;
- 3.5 satu (1) salinan Buku Perkhidmatan Pegawai Awam yang telah dikemaskini dari tarikh perlantikan yang pertama sehingga tarikh pegawai memohon bersara pilihan sendiri;
- 3.6 surat pengesahan bebas tindakan tatatertib oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sabah;
- 3.7 surat Tapisan Keutuhan daripada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia bagi pegawai Gred 29 dan ke atas; dan
- 3.8 salinan Kad Pengenalan pegawai yang disahkan benar (paparannya depan dan belakang).

#### **SYARAT-SYARAT**

4. Setiap permohonan persaraan pilihan sendiri yang dikemukakan ke Bahagian Pasca Perkhidmatan, Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia, dan Jabatan Perkhidmatan Awam Negeri adalah **muktamad**. Oleh itu, sebarang permintaan untuk menarik balik permohonan persaraan atau meminda tarikh persaraan tidak akan dipertimbangkan.

5. Oleh kerana persaraan pilihan sendiri adalah satu kemudahan istimewa, kelulusan ini boleh ditarik balik sebelum ianya berkuatkuasa tanpa diberi apa-apa sebab. Ketua Jabatan adalah diminta mengingatkan setiap pegawai yang telah memohon untuk bersara pilihan sendiri bahawa mereka adalah masih dalam perkhidmatan sehingga tarikh berkuatkuasanya persaraan pilihan sendiri tersebut.

6. Pembayaran Faedah Persaraan.

6.1 pembayaran pencen, ganjaran dan faedah persaraan yang lain kepada pegawai yang bersara pilihan sendiri adalah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

- (i) telah diberi taraf pegawai berpencen;
- (ii) ganjaran dan pemberian wang tunai gantian cuti rehat akan dibayar sebaik sahaja pegawai mula bersara secara pilihan sendiri;
- (iii) bagi mereka yang dilantik sebelum 12 April 1991, pencen akan dibayar apabila mencapai umur 45 tahun bagi pegawai perempuan, atau apabila mencapai umur 50 tahun bagi pegawai lelaki; dan
- (iv) bagi mereka yang dilantik pada atau selepas 12 April 1991, pencen hanya akan dibayar apabila mencapai umur 55 tahun.

**TARIKH KUAT KUASA**

7. Pekeliling Perkhidmatan ini hendaklah berkuat kuasa mulai dari tarikh pekeliling dikeluarkan.

**PEMBATALAN**

8. Dengan berkuat kuasanya Pekeliling Perkhidmatan ini, Pekeliling Perkhidmatan Negeri Sabah Bil. 9/1993 adalah dibatalkan.

## PEMAKAIAN

9. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, peruntukan pekeliling ini dipanjangkan kepada semua Pihak Berkuasa Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**



**( TAN SRI SUKARTI BIN WAKIMAN )**

Setiausaha Kerajaan Negeri

Tarikh: **23 November 2017**

s.k Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam Malaysia  
Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia  
Blok C1 – C3, Kompleks C  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
**62510 W.P. PUTRAJAYA, MALAYSIA.**

Ketua Penolong Pengarah  
Bahagian Pasca Perkhidmatan (Pencen) Cawangan Sabah  
Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia  
Jabatan Perdana Menteri  
Aras 1, Blok A, Kompleks Pentadbiran Kerajaan Persekutuan Sabah  
Jalan UMS,  
**88400 KOTA KINABALU.**

Diedarkan kepada: Semua Setiausaha Tetap Kementerian Negeri  
Semua Ketua Jabatan Negeri  
Semua Pihak Berkuasa Berkanun Negeri  
Semua Pihak Berkuasa Tempatan Negeri  
Semua Pegawai Daerah  
Semua Penolong Pegawai Daerah, Daerah Kecil